

**NO. SOALAN: 51**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SHAMSUL ANUAR BIN HAJI  
NASARAH [ LENGGONG ]**

**TARIKH : 17 NOVEMBER 2015**

**RUJUKAN : 8412**

**SOALAN:**

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [ Lenggong ] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kesan perlaksanaan POCA dan POTA kepada negara ini dan apakah Kementerian menambahbaik akta ini atau bersedia meminda akta lain agar keselamatan dan keharmonian negara terus kekal.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Sebagaimana ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Akta Pencegahan Jenayah 1959 (POCA) telah dipinda pada tahun 2013 bagi menangani jenayah berat dan jenayah terancang setelah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 dimansuhkan. Pada ketika itu kita dapat melihat peningkatan yang ketara keskes jenayah berat dan jenayah terancang sehingga memaksa Kerajaan untuk menguatkan undang-undang sedia ada. Justeru itu pada 1 April 2014, Kerajaan telah menguatkuasakan pindaan ke atas Akta Pencegahan Jenayah 1959 bagi mengekang isu jenayah berat dan jenayah terancang daripada terus berlaku.**

**Setelah 18 bulan penguatkuasaannya, kita dapat melihat trend jenayah berat dan jenayah terancang ini menurun. Ini dibuktikan melalui kajian jenayah kekerasan yang dibuat oleh pihak polis untuk 18 bulan sebelum dan selepas pelaksanaan POCA, terdapat penurunan sebanyak 15.5%.**

**Bagi pelaksanaan Akta Pencegahan Keganasan 2015 (POTA) pula, Akta ini telah dikuatkuasakan pada 1 September 2015. Walau bagaimanapun, sehingga kini masih belum ada tangkapan dibuat di bawah undang-undang ini bagi kesalahan yang dilakukan selepas tarikh kuatkuasanya.**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Sebagaimana yang diketahui oleh ahli-ahli Yang Berhormat, kita telahpun mempunyai undang-undang yang mencukupi bagi memastikan keselamatan dan keharmonian negara terus berkekalan. Antara undang-undang yang saya maksudkan adalah Akta Pencegahan Jenayah 1959 (POCA), Akta Pencegahan Keganasan 2015 (POTA), Kanun Keseksaan dan Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (SOSMA). Walau bagaimanapun, Kementerian Dalam Negeri dari semasa ke semasa terus meneliti dan membuat kajian terhadap semua undang-undang sedia ada di bawah bidang kuasa Kementerian untuk memastikan ianya sentiasa relevan dan bersesuaian dengan keadaan semasa supaya tidak ada “loophole” dengan izin Tuan Yang DiPertua terhadap undang-undang sedia ada.**